

No. Sebut harga : **P-15/2025 ASET (KENDERAAN)**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH

Kementerian atau Jabatan: **LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa dari **kakitangan LLM** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Proton Inspira 2.0L CVT No.Pendaftaran : WVT 1980	1	7,500.00

2. Aset boleh dilihat pada **06 November 2025 hingga 20 November 2025** di antara jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang di Ibu Pejabat, Lembaga Lebuhraya Malaysia beralamat di Wisma Lebuhraya, KM.6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor (Sila hubungi En. Haziq di talian 03-8738 3008).
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **P-15/2025 ASET (KENDERAAN)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Bahagian Kewangan & Pengurusan Aset
Wisma Lembaga Lebuhraya Malaysia,
KM6, Jalan Serdang-Kajang,
43000 Kajang Selangor**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **21 November 2025 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: **SUZAITEE BINTI YUSOFF C.A(M)**
Pegawai Kewangan & Pengurusan Aset
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Tarikh:

Cop:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Draf Bank sahaja atas nama **KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.

LAMPIRAN 2

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN JUALAN SECARA SEBUT HARGA KEPADA KAKITANGAN (KATEGORI KENDERAAN JABATAN)

1. Sebut harga hendaklah dipelawa dan terhad kepada warga LLM sahaja.
2. Kenyataan Tawaran Sebut Harga boleh dihebah melalui email dengan menggunakan Borang KEW.PA-24.
3. Tawaran Sebut Harga hendaklah menggunakan Borang KEW.PA-25.
4. Harga simpanan adalah berdasarkan nilai semasa di Perakuan Pelupusan (PEP) KEW.PA-19 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya.
5. Proses sebut harga adalah mengikut Tatacara Mengurus Sebut Harga sedia ada.
6. Syarat-syarat lain yang diputuskan oleh pengurusan LLM (sekiranya ada).

LAMPIRAN 2

Syarat-syarat tambahan

1. Sebut harga dipelawa kepada kakitangan LLM terhad kepada 1 kali sahaja dalam tempoh perkhidmatan.
2. Aset kenderaan yang dibeli oleh kakitangan tidak boleh ditukar hak milik dan hendaklah digunapakai untuk kegunaan sendiri dalam tempoh satu (1) tahun. Salinan cukai dan insuran kenderaan hendaklah dikemukakan kepada LLM bagi tujuan tuntutan wang tahanan setelah genap setahun pembelian.
3. Aset yang berjaya dibeli tidak boleh dibuat transaksi jual/beli semula dalam tempoh setahun.
4. Kakitangan yang menghantar sebut harga bukan terdiri daripada proksi syarikat atau orang tengah mana-mana individu luar.
5. Sebanyak RM 500 akan dikenakan sebagai wang tahanan. Wang tahanan ini akan dipulangkan sekiranya syarat-syarat di para 1 hingga 4 di patuhi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pelanggaran syarat di para 1 hingga 4, wang tahanan tidak akan di pulangkan dan boleh dikenakan apa-apa tindakan yang diputuskan oleh Pengurusan LLM.